

2013

[LAPORAN KAJIAN KEBERKESANAN STANDARD PROGRAM KEPADA PIHAK BERKEPENTINGAN]

[Dokumen ini melaporkan keputusan Kajian Keberkesanan Standard Program Kepada Pihak Berkepentingan yang telah di jalankan pada 1 hingga 20 September 2013 secara dalam talian. Dapatan kajian ini seterusnya dijadikan asas dalam proses melihat semula 5 standard program yang terawal terbitan MQA.]

Bahagian Standard
Agensi Kelayakan Malaysia
Disember 2013

KANDUNGAN

Pengenalan.....	3
Maklumat Umum Kajian.....	3
Dapatan Kajian.....	4
Kesimpulan.....	15
Lampiran 1.....	16

PENGENALAN

1. Standard program dibangunkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atas permintaan pihak berkepentingan untuk digunakan sebagai rujukan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dan agensi berkaitan di dalam menawarkan program-program dalam bidang-bidang tertentu.
2. Bagi memastikan standard program yang dihasilkan menepati kehendak pihak berkepentingan, proses pembangunan standard program telah merangkumkan maklum balas pihak berkepentingan iaitu seawal dari proses pemilihan panel pakar pembina standard program sehinggalah pelaksanaan kajian perintis di Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) terpilih.
3. Penglibatan pihak berkepentingan selanjutnya diteruskan di peringkat penilaian semula keberkesanan standard program yang perlu dijalankan dalam tempoh 5 tahun dari tarikh kuatkuasa.
4. Sehubungan dengan itu pada 1 – 20 September 2013, Bahagian Standard telah mengendalikan Kajian Keberkesanan Standard Program Kepada Pihak Berkepentingan secara dalam talian.
5. Laporan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pihak umum keputusan kajian yang telah dijalankan dan mendapat 194 responden yang terdiri dari pengguna utama standard program terbitan MQA.
6. Sebarang pertanyaan mengenai kertas tinjauan ini boleh dikemukakan kepada urus setia berikut:
 - i) Pn. Mazlinawati Mohamed : 03-7968 3293 (mazlinawati@mqa.gov.my)
 - ii) Cik Enda Nurwani Ngah Deman: 03-7954 5124 (endanurwani@mqa.gov.my)

MAKLUMAT UMUM KAJIAN

7. **Objektif kajian** keberkesanan standard program adalah untuk:-
 - mendapatkan maklum balas tentang standard program yang telah dibina;
 - mendapatkan maklum balas tentang impak standard program dalam proses pembangunan dan semakan semula kurikulum sesuatu program;
 - melihat impak standard program terhadap kebolehpasaran graduan; dan

- mendapatkan maklum balas tentang keperluan penilaian semula sesuatu standard program atau bidang dalam standard program.
8. **Skop:** kajian ini hanya melibatkan standard program yang hampir mencapai 5 tahun dari tarikh kuatkuasa iaitu:
- Bioteknologi;
 - Komputeran;
 - Perubatan Tradisional dan Komplementari;
 - Undang-undang dan Syariah; dan
 - Sains Perubatan dan Kesihatan.
9. **Proses:** Kajian ini dilaksanakan secara dalam talian bagi memaksimumkan jumlah responden. Bagi memastikan semua pihak berkepentingan sedar akan kewujudan kajian impak ini secara dalam talian, semua pihak berkepentingan dimaklumkan tentang kajian impak menerusi surat rasmi.

Terdapat tiga jenis borang soal selidik yang telah dibina seperti di **Lampiran 1**, merangkumi tiga kelompok pihak berkepentingan utama iaitu PPT, Ahli Panel Penilai (APP) dan Pegawai MQA. Borang kaji selidik yang dibina terbahagi kepada empat bahagian iaitu:

- A) Maklumat umum,
- B) Maklum balas penggunaan standard program,
- C) Cadangan penambahbaikan standard program, dan
- D) Cadangan standard program baru.

Dapatan kajian diguna pakai dalam menentu hala tuju penilaian semula dokumen standard program yang dinyatakan di atas.

DAPATAN KAJIAN


10. Secara keseluruhannya, jumlah maklum balas yang diperolehi bagi setiap jenis responden adalah seperti berikut:

Responden	Peratus Maklum Balas
PPT	62% (152 responden daripada 246 jemputan)
APP	23% (30 responden daripada 131 jemputan)
Pegawai MQA	10% (12 responden daripada 115 jemputan)

Pihak PPT merupakan penyumbang maklum balas yang terbesar dalam kajian impak yang dijalankan, diikuti oleh APP dan Pegawai MQA.

11. **Maklumat umum** (Bahagain A) bagi setiap responden adalah seperti berikut;

a. PPT



Rajah 1: Maklumat umum PPT

Nota:


T3: Sijil; T4: Diploma; T5: Diploma Lanjutan; T6: Ijazah Sarjana Muda; T7: Ijazah Sarjana; T8: Ijazah Kedoktoran.

Rajah 1 menunjukkan maklumat umum pihak PPT yang dikategorikan kepada jenis PPT, klasifikasi PPT, jumlah program serta tahap program yang ditawarkan. Lebih banyak PPT swasta memberikan maklum balas mengenai standard program yang telah dibina oleh MQA berbanding PPT awam. Responden dari pelbagai jenis PPT menunjukkan bahawa kajian ini telah merangkumkan semua jenis pengguna standard program.

Majoriti PPT yang terlibat dalam kajian ini adalah PPT yang menawarkan sekurang-kurangnya satu (1) program dan semaksima lima (5) program

berkaitan dengan standard program yang ingin dikaji semula. Manakala 18% daripada jumlah responden PPT menawarkan lebih dari 10 program berkaitan. PPT yang memberi maklum balas turut menawarkan program di pelbagai tahap pengajian.

b. APP



Rajah 2: Maklumat umum APP

Nota:


T3: Sijil, T4: Diploma, T5: Diploma Lanjutan, T6: Ijazah Sarjana Muda, T7: Ijazah Sarjana, T8: Ijazah Kedoktoran.

Rajah 2 menunjukkan maklumat umum tentang APP iaitu berdasarkan

- institusi dan klasifikasi institusi APP;
- tempoh perkhidmatan sebagai APP; dan
- tahap program yang pernah dinilai.

APP dari institusi awam merupakan majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini. 87% daripada APP adalah dari universiti dan kolej universiti. 50% daripada responden telah berkhidmat sebagai APP bagi tempoh empat (4) hingga enam (6) tahun; 23% lebih dari tujuh (7) tahun. Oleh itu, responden kajian ini terdiri dari yang berpengalaman dalam penilaian program bagi bidang yang berkaitan. Mereka juga telah menilai program dari pelbagai tahap.

c. Pegawai MQA




Rajah 3: Maklumat umum Pegawai MQA

Rajah 3 menunjukkan tempoh perkhidmatan Pegawai MQA yang memberikan maklum balas dalam kajian ini. Majoriti iaitu 50% pegawai MQA yang menjadi responden telah berkhidmat selama satu (1) hingga tiga (3) tahun di MQA.

12. Maklum balas penggunaan standard program (Bahagian B) bagi setiap responden adalah seperti berikut:

a. PPT



Rajah 4: Peratusan respon bagi soalan di Bahagian B


Nota: Soalan Bahagian B

B01	Jelas & mudah difahami
B02	Realistik dan boleh dilaksanakan
B03	Menjadi rujukan utama program baru dan semakan semula
B04	Membantu PPT memahami keperluan program
B05	Relevan dengan keperluan semasa bidang
B06	Mengurangkan kos pembinaan serta semakan semula program
B07	Mengurangkan masa pembinaan serta semakan semula program
B08	Memudahkan PPT mendapatkan akreditasi sementara dan akreditasi penuh program
B09	Memenuhi kehendak industri, memberi impak positif terhadap kebolehpasaran graduan
B10	Mampu melahirkan usahawan

Secara keseluruhannya, Rajah 4 menunjukkan bahawa peratusan responden yang setuju dan sangat setuju dengan kesemua soalan yang diajukan adalah tinggi berbanding dengan yang tidak setuju (kurang dari 10%). Ini memberi gambaran bahawa **standard program yang dibangunkan dapat diterima pakai oleh pihak PPT dalam proses pembangunan sesuatu program,**

membantu PPT dalam proses mendapatkan akreditasi, sekaligus melahirkan graduan yang berkualiti dalam bidang-bidang berkaitan.

b. APP




Rajah 5: Peratusan respon bagi soalan di Bahagian B

Nota: Soalan Bahagian B

B01	Jelas & mudah difahami
B02	Realistik dan boleh dilaksanakan
B03	Menjadi rujukan utama dalam urusan penilaian
B04	Relevan dengan keperluan semasa bidang
B05	Menghadkan APP daripada memberikan pandangan
B06	Membantu mempercepatkan tempoh penilaian program
B07	PPT mempunyai potensi yang lebih besar mendapatkan akreditasi

Rajah 5 menunjukkan bahawa APP bersetuju standard program yang dibangunkan adalah mudah difahami dan boleh dijadikan rujukan utama untuk melaksanakan proses penilaian. Selain itu, APP berpendapat bahawa penggunaan **standard program mempercepatkan tempoh penilaian program dan membantu PPT dalam memperolehi akreditasi**. Namun, terdapat 20 – 40% responden tidak bersetuju bahawa standard program yang dibina menepati keperluan semasa bidang dan ia turut menghadkan APP daripada memberi pandangan.

c. Pegawai MQA



Rajah 6: Peratusan respon bagi soalan di Bahagian B


Nota: Soalan Bahagian B

B01	Jelas & mudah difahami
B02	Realistik dan boleh dilaksanakan
B03	Membantu di dalam urusan penilaian program
B04	Relevan dengan keperluan semasa bidang
B05	Membantu mengurangkan masa penilaian program
B06	Mempunyai potensi yang lebih besar mendapatkan akreditasi

Berdasarkan Rajah 6, majoriti **Pegawai MQA bersetuju bahawa standard program** berkaitan adalah **mudah difahami, realistik pelaksanaannya, membantu urusan penilaian program dan relevan dengan keperluan semasa bidang**. Majoriti responden **bersetuju bahawa standard program yang dibina membantu mengurangkan masa penilaian program dan meningkatkan peluang PPT untuk mendapatkan akreditasi**.

Namun, seramai 33% dan 17% responden, masing-masing tidak bersetuju bahawa standard program yang dibina membantu mengurangkan masa penilaian program serta meningkatkan peluang PPT untuk mendapatkan akreditasi.

d. Tempoh dan keperluan semakan semula standard program



Rajah 7: Maklum balas tempoh dan keperluan semakan semula standard program


Rajah 7 menunjukkan bahawa lima (5) tahun adalah tempoh yang **dipersetujui sesuai oleh majoriti responden (PPT, APP dan Pegawai MQA) untuk membuat penyemakan semula standard program**. Tempoh lima tahun dapat memberikan ruang masa yang mencukupi untuk PPT, APP dan Pegawai MQA menilai kandungan dan kepentingan kegunaan sesuatu standard program.

Peraturan APP dan Pegawai MQA yang menyokong penyemakan semula lima (5) standard program tersebut adalah lebih tinggi berbanding yang tidak setuju. Berikut adalah standard program yang diusulkan untuk disemak semula:

- i. Standard Program: Bioteknologi

- ii. Standard Program: Komputeran
- iii. Standard Program: Perubatan Tradisional dan Komplementari
- iv. Standard Program: Undang-undang dan Syariah
- v. Standard Program: Sains Perubatan dan Kesihatan.

e. Bahagian yang perlu disemak semula



Rajah 8: Maklum balas mengenai bahagian standard program yang perlu disemak semula

Nota:

(a)	Matlamat program
(b)	Hasil pembelajaran
(c)	Reka bentuk dan penyampaian kurikulum
(d)	Penilaian pelajar
(e)	Pemilihan pelajar
(f)	Staf akademik
(g)	Sumber pendidikan
(h)	Pemantauan dan semakan program
(i)	Kepimpinan, governan dan pentadbiran
(j)	Penambahbaikan kualiti berterusan

Secara keseluruhannya, para responden **mencadangkan untuk menyemak semula bahagian-bahagian berikut;**

- i. **Hasil Pembelajaran**
- ii. **Reka bentuk dan penyampaian kurikulum**
- iii. **Penilaian pelajar**
- iv. **Pemilihan pelajar**
- v. **Staf akademik**
- vi. **Kepimpinan, governan dan pentadbiran**

13. Permintaan standard program baru yang perlu dibangunkan adalah seperti berikut:

BIL.	CADANGAN STANDARD PROGRAM	JUMLAH PERMINTAAN
1	Sains Perubatan dan Kesihatan	7
2	Komputeran	7
3	Perniagaan	7
4	Multimedia Kreatif	4
5	Pertanian	3
6	Sains	3
7	Seni Persembahan	3
8	Pendidikan	3
9	Kejururawatan	2
10	Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan	2
11	Pengajian Media dan Komunikasi	2
12	Pengurusan	2
13	Perubatan Tradisional dan Komplimentari	1
14	Sains Gunaan	1
15	Farmasi	1
16	Fesyen	1
17	Seni dan Reka Bentuk	1
18	Hospitaliti dan Pelancongan	1
19	Kecantikan	1
20	Pengajian Islam	1
21	Muamalat dan Kewangan Islam	1
22	Undang-undang	1
23	Kaunseling / Psikologi	1

BIL.	CADANGAN STANDARD PROGRAM	JUMLAH PERMINTAAN
24	Perakaunan	1

14. Ulasan responden berkaitan standard program adalah seperti berikut:

- a. Standard Program: Bioteknologi
 - i. Sukar mengukur matlamat program kerana terlalu banyak.
 - ii. Sukar mengukur hasil pembelajaran kerana banyak domain dalam satu hasil pembelajaran.

- b. Standard Program: Komputeran
 - i. Tambah bidang seperti rangkaian dan komunikasi, kejuruteraan komputer dan *Business IT*.
 - ii. Kemas kini bidang dan topik mengikut perkembangan semasa.
 - iii. Tambah topik seperti *computer security* dan *forensic* untuk memberi fleksibiliti kepada PPT membuat pilihan.
 - iv. Latihan industri untuk pelajar yang telah mempunyai pengalaman bekerja:
 - diwajibkan kepada yang tidak bekerja dalam bidang yang sedang dipelajari.
 - dikecualikan kepada pelajar yang bekerja dalam bidang yang sedang dipelajari, mengambil mata pelajaran sebagai ganti.
 - v. PPT mencadangkan syarat kredit mata pelajaran matematik diperingkat SPM untuk kemasukan diploma dan sarjana muda ditukar kepada lulus. Pengukuhan matematik akan dikendalikan oleh PPT.
 - vi. Semakan semula kurikulum 3 tahun sekali.

- c. Standard Program: Sains Perubatan dan Kesihatan
 - i. Tambahan bidang *medical science* dan paramedik.
 - ii. PPT - Syarat kemasukan pelajar dengan SPM 5 kredit terlalu tinggi dan perlu dikurangkan kepada 3 kredit sahaja. APP berpandangan sebaliknya.
 - iii. Pengiraan kredit untuk latihan klinikal dan industri.

- d. Cadangan umum
 - i. Kemas kini mengikut Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran dan memasukkan maklumat mengenai mata pelajaran umum.
 - ii. Memberi penekanan kepada latihan amali – komputeran, sains perubatan dan kesihatan.
 - iii. Perlu penerangan mengenai pengiraan jam belajar pelajar (SLT).
 - iv. Penerangan mengenai *Outcome Based Education* (OBE).
 - v. Penerangan mengenai standard program kepada PPT.

- vi. Memasukkan mata pelajaran keusahawanan dalam rangka mata pelajaran.
- vii. Mewujudkan mekanisma untuk APP memberikan maklum balas memantapkan standard program.

KESIMPULAN

Secara amnya kajian yang telah dijalankan telah mencapai objektif seperti yang dihasratkan kerana menerusi input yang diberikan, MQA dapat:

- mengetahui bahawa 5 standard program terbitan MQA telah memberi impak POSITIF kepada pengguna secara umum; dapat membantu PPT dalam proses pembangunan dan semakan semula kurikulum sesuatu program; dan dapat membantu kebolehpasaran graduan;
- memperoleh komen dan cadangan penambahbaikan dari pengguna utama standard yang amat berguna dalam proses mengkaji semula standard program yang berkaitan; dan
- mengetahui permintaan responden berkaitan cadangan standard program baru yang perlu dibina oleh MQA di masa akan datang.

Laporan ini telah dibentangkan kepada pengurusan atasan MQA dan lanjutan dari input tentang cadangan standard program, Bahagian Standard MQA telah diperkenan untuk memulakan proses pembinaan Standard Program Perniagaan bermula Disember 2013.

Pada ketika ini, Bahagian Standard telah memulakan usaha untuk mengkaji semula 3 standard program dengan mendahulukan standard program yang termasuk dalam carta permintaan responden iaitu Standard Program: Komputeran; Undang-undang dan Syariah serta Sains Perubatan dan Kesihatan.

Bagi mendapatkan maklum balas dari pihak industri, satu sesi dialog bersama pihak industri akan dijalankan semasa peringkat awal pembinaan standard program bagi mendapatkan maklum balas terhadap graduan untuk 5 bidang berkaitan standard program yang akan dikaji semula.

Diharap dengan adanya input dari kajian ini dan sesi dialog dengan pihak industri, standard program yang dihasilkan kelak akan lebih menepati kehendak pengguna dan memudahkan semua pihak dalam melahirkan graduan yang berkualiti dan memenuhi kehendak pasaran.

SOAL SELIDIK KEBERKESANAN STANDARD PROGRAM XXXX
KEPADA PEMBERI PENGAJIAN TINGGI (PPT)



Pendahuluan

Borang soal selidik ini bertujuan untuk menilai keberkesanan penggunaan standard program yang diterbitkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) terhadap program Pemberi Pengajian Tinggi (PPT). Pihak MQA amat berbesar hati dengan kerjasama yang diberikan PPT untuk memberi maklum balas dengan mengisi borang soal selidik ini. Semua maklum balas yang diterima akan diuruskan sebagai maklumat sulit. Maklumat yang diberikan sangat berguna kepada MQA untuk merancang, mengurus dan bekerjasama dengan PPT untuk meningkatkan kualiti pengajian tinggi Malaysia.

Arahan

Sila isi borang soal selidik ini dengan menandakan ✓ di ruang yang berkenaan. Jika terdapat sebarang pertanyaan sila berhubung dengan En. Mohd Ishak Mohd Hussaini di talian 03 – 7968 3294 atau emel ishak@mqa.gov.my atau Cik Enda Nurwani Ngah Deman di talian 03 – 7954 5124 atau emel endanurwani@mqa.gov.my.

A. Maklumat Umum

1. Jenis PPT (di isi sekali sahaja)

Awam Swasta

2. Klasifikasi PPT (di isi sekali sahaja)

Universiti dan Kolej Universiti Lain - lain (i.e kolej, institusi)

3. Jumlah program yang ditawarkan untuk standard program yang berkaitan

1 - 5 6 - 10 11 - ke atas

4. Tahap program yang ditawarkan untuk standard program yang berkaitan (Tahap Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) (boleh di tanda lebih daripada 1)

Tahap 3 (Sijil) Tahap 4 (Diploma) Tahap 5 (Diploma Lanjutan)

Tahap 6 (Sarjana Muda) Tahap 7 (Sarjana) Tahap 8 (Kedoktoran)

Skala Penilaian

1	2	3	4		
Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju		
B. Maklum Balas Penggunaan Standard Program					
Deskripsi	Skala				Ulasan
	1	2	3	4	
1. Standard program yang berkaitan adalah jelas dan mudah difahami.					
2. Standard dan kriteria yang ditetapkan adalah realistik dan boleh dilaksanakan.					
3. Standard program yang berkaitan menjadi rujukan utama dalam pembangunan program baru dan semakan semula program.					
4. Standard program yang berkaitan membantu PPT memahami keperluan program bagi sesuatu bidang pengajian.					
5. Standard program yang dibina relevan dengan keperluan semasa bidang.					
6. Standard program yang berkaitan mengurangkan kos pembinaan serta semakan semula sesuatu program.					
7. Standard program yang berkaitan mengurangkan masa pembinaan serta semakan semula sesuatu program.					
8. Standard program yang berkaitan memudahkan PPT mendapatkan akreditasi sementara dan akreditasi penuh program.					
9. Standard program memenuhi kehendak industri dan memberi impak positif terhadap kebolehpasaran graduan.					
10. Standard program mampu melahirkan usahawan dan berupaya mewujudkan peluang pekerjaan.					

<p>11. Secara umumnya, MQA menetapkan semakan semula sesuatu standard program dibuat dalam tempoh 5 tahun dari tarikh berkuat kuasa penggunaan standard program.</p> <p>a) Apakah tempoh yang sesuai bagi semakan semula standard program ini?</p> <p>b) Adakah standard program ini perlu disemak semula sekarang?</p>	<p>Dalam tempoh 3 tahun <input type="checkbox"/></p> <p>Dalam tempoh 4 tahun <input type="checkbox"/></p> <p>Dalam tempoh 5 tahun <input type="checkbox"/></p> <p>Ya <input type="checkbox"/></p>	<p>Tidak <input type="checkbox"/></p>
<p>12. Jika ya, sila tandakan bahagian yang perlu disemak semula untuk penambahbaikan. (boleh tanda lebih daripada 1).</p>	<p>a. Matlamat Program <input type="checkbox"/></p>	<p>Ulasan:</p>
	<p>b. Hasil Pembelajaran <input type="checkbox"/></p>	<p>Ulasan:</p>
	<p>c. Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum <input type="checkbox"/></p>	<p>Ulasan:</p>
	<p>d. Penilaian Pelajar <input type="checkbox"/></p>	<p>Ulasan:</p>
	<p>e. Pemilihan Pelajar <input type="checkbox"/></p>	<p>Ulasan:</p>
	<p>f. Staf Akademik <input type="checkbox"/></p>	<p>Ulasan:</p>
	<p>g. Sumber Pendidikan <input type="checkbox"/></p>	<p>Ulasan:</p>
	<p>h. Pemantauan dan Semakan Program <input type="checkbox"/></p>	<p>Ulasan:</p>
	<p>i. Kepimpinan, Governan dan Pentadbiran <input type="checkbox"/></p>	<p>Ulasan:</p>
	<p>j. Penambahbaikan Kualiti Berterusan <input type="checkbox"/></p>	<p>Ulasan:</p>
<p>C. Cadangan penambahbaikan standard program (Tidak melebihi 500 patah perkataan)</p>		

D. Apakah standard program baru yang diperlukan oleh PPT?

Nama:
Jawatan:
Telefon:
E-mel:

SOAL SELIDIK KEBERKESANAN STANDARD PROGRAM XXXX

KEPADA AHLI PANEL PENILAI (APP)



Pendahuluan

Borang soal selidik ini bertujuan untuk menilai keberkesanan penggunaan standard program yang diterbitkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sebagai panduan untuk Ahli Panel Penilai (APP). Pihak MQA amat berbesar hati dengan kerjasama yang diberikan APP untuk memberi maklum balas dengan mengisi borang soal selidik ini. Semua maklum balas yang diterima akan diuruskan sebagai maklumat sulit. Maklumat yang diberikan sangat berguna kepada MQA untuk merancang, mengurus dan bekerjasama dengan APP untuk meningkatkan kualiti pengajian tinggi Malaysia.

Arahan

Sila isikan borang soal selidik ini dengan menandakan ✓ di ruang yang berkenaan. Jika terdapat sebarang pertanyaan sila berhubung dengan En. Mohd Ishak Mohd Hussaini di talian 03 – 7968 3294 atau emel ishak@mqa.gov.my atau Cik Enda Nurwani Ngah Deman di talian 03 – 7954 5124 atau emel endanurwani@mqa.gov.my.

A. Maklumat Umum

1. Institusi APP

Awam Swasta

2. Klasifikasi Institusi APP

Universiti dan Kolej Universiti Lain - lain

3. Tempoh menjadi APP (tahun)

Kurang dari setahun 1 - 3 4 - 6 7 - ke atas

4. Tahap program yang pernah dinilai (Tahap Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) (boleh ditanda lebih daripada 1)

Tahap 3 (Sijil) Tahap 4 (Diploma) Tahap 5 (Diploma Lanjutan)

Tahap 6 (Sarjana Muda) Tahap 7 (Sarjana) Tahap 8 (Kedoktoran)

Skala Penilaian

1	2	3	4		
Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju		
B. Maklum Balas Penggunaan Standard Program					
Deskripsi	Skala				Ulasan
	1	2	3	4	
1. Standard program yang berkaitan adalah jelas dan mudah difahami.					
2. Standard dan kriteria yang ditetapkan adalah realistik dan boleh dilaksanakan.					
3. Standard program yang berkaitan menjadi rujukan utama dalam urusan penilaian program.					
4. Standard program yang dibina relevan dengan keperluan semasa bidang.					
5. Standard program yang berkaitan menghadkan APP daripada memberikan pandangan mengenai perkembangan terkini.					
6. Standard program yang berkaitan membantu mempercepatkan tempoh penilaian program.					
7. PPT mempunyai potensi yang lebih besar mendapatkan akreditasi dengan adanya standard program.					
<p>8. Secara umumnya, MQA menetapkan semakan semula sesuatu standard program dibuat dalam tempoh 5 tahun dari tarikh berkuat kuasa penggunaan standard program.</p> <p>a) Apakah tempoh yang sesuai bagi semakan semula standard program ini?</p> <p style="margin-left: 40px;"> Dalam tempoh 3 tahun <input type="checkbox"/> Dalam tempoh 4 tahun <input type="checkbox"/> Dalam tempoh 5 tahun <input type="checkbox"/> </p> <p>b) Adakah standard program ini perlu disemak semula sekarang?</p> <p style="margin-left: 40px;">Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/></p>					

<p>9. Jika ya, sila tandakan bahagian yang perlu disemak semula untuk penambahbaikan. (boleh tanda lebih daripada 1).</p>	a. Matlamat Program	<input type="checkbox"/>	Ulasan:
	b. Hasil Pembelajaran	<input type="checkbox"/>	Ulasan:
	c. Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum	<input type="checkbox"/>	Ulasan:
	d. Penilaian Pelajar	<input type="checkbox"/>	Ulasan:
	e. Pemilihan Pelajar	<input type="checkbox"/>	Ulasan:
	f. Staf Akademik	<input type="checkbox"/>	Ulasan:
	g. Sumber Pendidikan	<input type="checkbox"/>	Ulasan:
	h. Pemantauan dan Semakan Program	<input type="checkbox"/>	Ulasan:
	i. Kepimpinan, Governan dan Pentadbiran	<input type="checkbox"/>	Ulasan:
	j. Penambahbaikan Kualiti Berterusan	<input type="checkbox"/>	Ulasan:
<p>C. Cadangan penambahbaikan standard program. (Tidak melebihi 500 patah perkataan)</p> 			
<p>D. Apakah cadangan standard program baru yang diperlukan oleh APP?</p> 			

SOAL SELIDIK KEBERKESANAN STANDARD PROGRAM XXXX

KEPADA PEGAWAI MQA



Pendahuluan

Borang soal selidik ini bertujuan untuk menilai keberkesanan penggunaan standard program yang diterbitkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sebagai panduan kepada pegawai MQA. Pihak MQA amat berbesar hati dengan kerjasama yang diberikan pegawai MQA untuk memberi maklum balas dengan mengisi borang soal selidik ini. Semua maklum balas yang diterima akan diuruskan sebagai maklumat sulit. Maklumat yang diberikan sangat berguna kepada MQA untuk merancang, mengurus dan bekerjasama dengan pegawai MQA untuk meningkatkan kualiti pengajian tinggi Malaysia.

Arahan

Sila isikan borang soal selidik ini dengan menandakan ✓ di ruang yang berkenaan. Jika terdapat sebarang pertanyaan sila berhubung dengan En. Mohd Ishak Mohd Hussaini di talian 03 – 7968 3294 atau emel ishak@mqa.gov.my atau Cik Enda Nurwani Ngah Deman di talian 03 – 7954 5124 atau emel endanurwani@mqa.gov.my.

A. Maklumat Umum

1. Tempoh bekerja di bahagian akreditasi (tahun)

Kurang dari
setahun

1 - 3

4 - 6

7 - ke atas

Skala Penilaian

1	2	3	4
Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju

B. Maklum Balas Penggunaan Standard Program

Deskripsi	Skala				Ulasan
	1	2	3	4	
1. Standard program yang berkaitan adalah jelas dan mudah difahami.					
2. Standard dan kriteria yang ditetapkan adalah realistik dan boleh dilaksanakan.					
3. Standard program yang berkaitan membantu di dalam urusan penilaian program.					
4. Standard program yang dibina relevan dengan keperluan semasa bidang.					

5. Standard program yang berkaitan membantu mengurangkan masa penilaian program.					
6. PPT mempunyai potensi yang lebih besar mendapatkan akreditasi dengan adanya standard program.					
<p>7. Secara umumnya, MQA menetapkan semakan semula sesuatu standard program dibuat dalam tempoh 5 tahun dari tarikh berkuat kuasa penggunaan standard program.</p> <p>a) Apakah tempoh yang sesuai bagi semakan semula standard program ini?</p> <p>b) Adakah standard program ini perlu disemak semula sekarang?</p>	<p>Dalam tempoh 3 tahun <input type="checkbox"/></p> <p>Dalam tempoh 4 tahun <input type="checkbox"/></p> <p>Dalam tempoh 5 tahun <input type="checkbox"/></p> <p>Ya <input type="checkbox"/></p>				<p>Tidak <input type="checkbox"/></p>
8. Jika ya, sila tandakan bahagian yang perlu disemak semula untuk penambahbaikan. (boleh tanda lebih daripada 1).	a. Matlamat Program	<input type="checkbox"/>	Ulasan:		
	b. Hasil Pembelajaran	<input type="checkbox"/>	Ulasan:		
	c. Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum	<input type="checkbox"/>	Ulasan:		
	d. Penilaian Pelajar	<input type="checkbox"/>	Ulasan:		
	e. Pemilihan Pelajar	<input type="checkbox"/>	Ulasan:		
	f. Staf Akademik	<input type="checkbox"/>	Ulasan:		
	g. Sumber Pendidikan	<input type="checkbox"/>	Ulasan:		
	h. Pemantauan dan Semakan Program	<input type="checkbox"/>	Ulasan:		
	i. Kepimpinan, Governan dan Pentadbiran	<input type="checkbox"/>	Ulasan:		
	j. Penambahbaikan Kualiti Berterusan	<input type="checkbox"/>	Ulasan:		
<p>C. Cadangan penambahbaikan standard program. (Tidak melebihi 500 patah perkataan)</p>					

D. Apakah cadangan standard program baru yang diperlukan oleh pegawai akreditasi MQA?